

Bajet: IRDA harap lebih banyak dana

UM 27/9

■ KUALA LUMPUR 26 SEPT.

PIHAK Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) berharap kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak dana bagi pembangunan infrastruktur dalam Bajet 2017 yang akan datang.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Ismail Ibrahim (**gambar**) berkata, peruntukan yang lebih besar bagi rumah mampu milik, pengangkutan awam dan jaringannya akan memberi manfaat kepada orang ramai dengan lebih baik.

"Ia penting terutamanya bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, untuk mendapat akses kepada rumah mampu milik dan berkualiti, selain jaringan di bandar dan pekan yang diper-

tingkatkan.

"Dalam hal ini, sektor awam perlu menyediakan pengangkutan awam yang cekap dan berkesan," katanya kepada pemberita di luar Forum Khazanah Megatrends 2016 di sini hari ini.

Mengambil Iskandar Malaysia sebagai contoh, Ismail berkata, wilayah itu berkembang dengan pesat sejak 10 tahun lepas berikutan usaha ke arah meningkatkan kualiti persekitaran melalui pembangunan infrastruktur dan jaringannya.

Dalam Bajet 2016, Perdana Menteri. Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan usaha untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar, dengan RM1.4 bilion diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf jalan luar




Sektor awam perlu menyediakan pengangkutan awam yang cekap dan berkesan."

ISMAIL IBRAHIM
Ketua Eksekutif IRDA

bandar sepanjang 700 kilometer di seluruh negara dan tambahan RM200 juta untuk menaik taraf jalan di kawasan penempatan FELDA.

Najib turut mengumumkan pelbagai peruntukan dana untuk menambah baik infrastruktur di bandar, termasuk RM900 juta untuk melaksanakan Projek Penyuraian Trafik Jalan Tun Razak yang bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. - BERNAMA



PEMANDANGAN Puteri Harbour di Iskandar Puteri, Johor. Wilayah Iskandar Malaysia berkembang pesat berikutan usaha meningkatkan kualiti persekitaran melalui pembangunan infrastruktur dan jaringannya. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI